

## Norma Baharu: P&P Amali Dari Rumah



### JULIANA LANGGAT

[juelanggat@ums.edu.my](mailto:juelanggat@ums.edu.my)

Pensyarah Kanan  
Program Pengurusan  
Perhotelan,  
Fakulti Perniagaan, Ekonomi  
dan Perakaunan,  
Universiti Malaysia Sabah.

Pandemik Covid-19 telah menyebabkan perubahan secara mendadak keatas pengajaran dan pembelajaran (P&P) di seluruh sistem Pendidikan dunia dan Malaysia khususnya. Dan ini telah menimbulkan keresahan di kalangan para pelajar, pendidik serta ibubapa. Para pensyarah khususnya harus memikirkan strategi dan kaedah P&P yang berkesan supaya objektif pembelajaran dapat dicapai sepenuhnya.

Mengajar kursus Pengurusan Pejabat Hadapan (*Front Office Management*) secara atas talian sepenuhnya membuatkan saya harus merancang sebaik mungkin P&P khususnya bagi kursus yang mempunyai amali ataupun praktikal. Pelbagai sudut harus diambil kira untuk memastikan P&P kursus tersebut dapat dilaksanakan dengan sebaik yang mungkin.

Rancangan P&P harus disediakan dengan lebih terperinci dan juga teliti. Ini bagi mengelakkan kekeliruan dan pertanyaan yang banyak dari para pelajar. Setiap arahan harus terang, tepat dan mudah difahami. Kekangan yang dihadapi oleh para pelajar yang belajar di kediaman masing-masing harus diambil kira. Para pelajar juga harus mempunyai kelengkapan dan bahan untuk digunakan ketika aktiviti mahupun kuliah amali. Masa yang diperuntukkan juga harus lebih agar para pelajar mempunyai masa untuk menyelesaikan tugas amali dengan baik.

Dengan mengambil kira salah satu objektif kursus Pengurusan Pejabat Hadapan adalah melahirkan para pelajar yang berketerampilan profesional dan menarik, oleh itu, salah satu aktiviti amali yang harus saya berikan kepada para pelajar tahun dua dari program Pengurusan Perhotelan adalah *Professional Grooming*. Contoh arahan yang saya berikan kepada para pelajar adalah seperti disebelah;

#### Front Office Professional Grooming

As front office Manager, you should have a pleasant personality and corporate grooming. Take a picture of yourself with a corporate look.

- White colour picture background.
- Standing posture is 45 degree to the right.
- Half body (Head to shoulder)

#### Women



1. Wear black blazer.
2. Put on make-up
3. Bund/net hair/black hijab

#### Men

1. Wear black blazer
2. Neat hair.
3. Clean/shaved face
4. Black tie.
5. No earring.

Upload your grooming picture in SmartUms3 in Week 4.

Pada minggu ke 4 kuliah, para pelajar telah menghantar gambar *Professional Grooming* masing-masing seperti yang ditetapkan dan hasilnya adalah diluar jangkaan. Melihat hasil yang mereka hasilkan membuatkan saya ingin mengabadikan usaha mereka melalui poster untuk dikongsi bersama pelajar-pelajar lain dan pada masa yang sama memudahkan untuk difaalkan bagi tujuan audit P&P kelak. Berikut merupakan hasil amali *grooming* dari para pelajar Pengurusan Hotel Tahun Kedua.



Meskipun terdapat keterbatasan untuk melakukan aktiviti amali ketika musim pandemik ini, namun para pelajar telah memberikan hasil yang terbaik. Semoga perkongsian ini boleh memberikan ide kepada para pensyarah dan pendidik untuk merancang P&P sesuai dengan keperluan kursus dan kreativiti masing-masing.

Selamat Mengajar!